

FOKUS DAN ARAH TUJU PENYELIDIKAN SEKOLAH PERNIAGAAN & EKONOMI

Penyelidikan merupakan tugas penting Universiti di samping beberapa fungsi utama lain. Kecemerlangan sekolah dan universiti diukur berdasarkan kemajuan penyelidikan, dari segi kualiti dan kuantiti. Kecemerlangan ini mendokong kecemerlangan akademik di universiti serta keperluan pembangunan masyarakat dan persaingan negara dalam bentuk pengetahuan, teknologi, dan maklumat. Memandangkan pentingnya kecemerlangan penyelidikan di universiti, SPE sebagai sebuah pusat kecemerlangan UMS perlu mempunyai halatuju penyelidikan yang jelas. Berdasarkan halatuju inilah matlamat, strategi, dan fokus penyelidikan dapat ditentukan.

Setelah lebih sedekad SPE menempuh cabaran beberapa pencapaian dalam bidang penyelidikan telah direkodkan. Usaha dan pencapaian ini perlu diterus dan diperkasakan seiring dengan aspirasi universiti, tuntutan institusi, dan tuntutan ilmu pengetahuan. Sebagai pusat kecemerlangan ilmu perniagaan, ekonomi, dan pengurusan sejauh ini halatuju penyelidikan di SPE banyak berkitar dalam lingkungan kontingensi disiplin berkenaan. Isu-isu keusahawanan, pembasmian kemiskinan, industri kecil dan sederhana, pelancongan dan hospitaliti, umpamanya menjadi terma rujukan penyelidikan. Hal yang sedemikian samada didorong oleh kemahiran tempatan di SPE, minat warga penyelidik, desakan persekitaran, mahupun motivasi extrinsic seperti geran dan polisi kerajaan.

Sudah sampai masanya halatuju yang lebih berwibawa difikirkan, sesuai dengan keperluan persekitaran, arus cabaran dan peluang, serta perkembangan genre disiplin ilmu yang dikembangkan di SPE. Umpamanya dalam perancangan Koridor Pembangunan Sabah (SDC), peluang sektor pelancongan, peranan bidang keusahawanan, keperluan pembangunan berimbang dan isu alam sekitar, segmen industri kecil dan sederhana, serta strategic fit struktur geografi dan demografi tempatan, masih banyak kajian diperlukan untuk merungkai persoalan konsep, teknik, pendekatan, kecekapan, dan impak pembangunan. Masyarakat tempatan yang dahagakan pembangunan dan negeri yang menagih kemakmuran memerlukan sumbangan SPE dalam bidang kepakaran yang ditawarkan. Lantas kajian yang lebih berstruktur dan berintegrasi perlu dilaksanakan dalam isu di atas sebelum peluang dan cabaran sedemikian direbut oleh institusi lain.

Halatuju sedemikian tidak semestinya memerlukan proses formal dan ritual untuk dicanai dan diperkasa. Gabungan pelbagai bidang kepakaran yang 'dikuasai' SPE sudah cukup untuk melahirkan kajian yang berwibawa untuk memancing kesanggupan dan kepercayaan pihak pembiaya menjadi penaja. Dalam konteks ini peranan ahli-ahli akademik senior penting untuk menyediakan bimbingan pengetahuan dan kepakaran kepada yang lebih 'muda' dalam penyelidikan. Usaha-usaha mendapatkan geran, menentukan bidang tujahan, dan penerbitan boleh mereka pelopori, sementara yang muda mengikuti dan mempelajari. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Professor Gowher Rizvi dari Universiti Harvard baru-baru ini, keunggulan universiti ditentukan oleh keperkasaan fakulti. Fakulti pula amat bergantung kepada keserjanaan tenaga akademik, dan keserjanaan tenaga akademik dipengaruhi oleh kecemerlangan penyelidikan mereka. Semoga budaya dan upaya penyelidikan SPE terus diperkasa, UMS dan masyarakat mendapat hasilnya, ahli akademik SPE disedari dan diiktiraf adanya.

Dipetik dari sumber : Dr. Rasid Mail, Timb. Dekan (Penyelidikan & Pembangunan)

Workshop on Innovation in Higher Education, 25 August 2008, Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan